



PEJABAT KESIHATAN DAERAH TIMUR LAUT
JALAN PERAK
11600 PULAU PINANG

Tel : 04-2828500
Fax : 04-2819500

Ruj.Tuan :
Ruj.Kami : PKTL.S.400-5/7/17 (4)
Tarikh : 22 Julai 2022

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Jalan Residensi,
10450 George Town,
Pulau Pinang
(u.p : Seksyen Teknologi Maklumat)

Ketua Cawangan
Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Kerja Raya
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan
Jalan Anson
10400 Pulau Pinang

YBhg Dato' / Tuan/Puan,

IKLAN KENYATAAN SEBUT HARGA

Dengan hormatnya saya diarahkan merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan Notis Iklan Sebut Harga seperti dibawah untuk dipamerkan di papan kenyataan / laman sesawang jabatan YBhg Dato' dan Tuan/Puan.

2.1 Kerja-Kerja Pembaikan Fasiliti Dan Infrastruktur Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Klinik Kesihatan Jalan Perak, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang
No. Sebutharga - PKTL.S.400-5/7/17

3. Kerjasama pihak tuan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. MOHAMED IQBAL BIN HAMZAH)

No. MPM: 33644, NSR: 36304
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Pegawai Kesihatan Daerah Timur Laut
Pulau Pinang



**PEJABAT KESIHATAN DAERAH TIMUR LAUT
JALAN PERAK, 11600 PULAU PINANG**

NOTIS KENYATAAN SEBUT HARGA

**KERJA-KERJA PEMBAIKAN FASILITI DAN INFRASTRUKTUR SERTA KERJA-KERJA
BERKAITAN DI KLINIK KESIHATAN JALAN PERAK, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU
PINANG**

NO. SEBUT HARGA : PKTL.S.400-5/7/17

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai sijil daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM(CIDB) dalam gred kategori dan pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Tempat Penghantaran Dokumen	Syarat Pendaftaran	Tarikh Dan Tempat Lawatan Tapak	Tarikh Tutup Sebut Harga
PKTL.S.400-5/7/17 Kerja-Kerja Pembaikan Fasiliti Dan Infrastruktur Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Klinik Kesihatan Jalan Perak, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang .	Sebut Harga boleh dihantar ke: Peti Sebut Harga Tingkat 2, Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut, Jalan Perak, 11600, P.Pinang	Kategori Kejuruteraan Awam Pengkhususan CE21, B04 Kelas G1 (Kontraktor dalam Daerah Timur Laut Sahaja)	27 Julai 2022 (Rabu) 10.00 pagi Perkarangan Klinik Kesihatan Jalan Perak	3 Ogos 2022 (Rabu) 12.00 tengah hari

2. Dokumen Sebut Harga akan diedar kepada pengurus syarikat yang hadir semasa lawatan tapak dijalankan. Untuk maksud ini kontraktor hendaklah **membawa sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputera dan satu salinan** bagi setiap sijil tersebut semasa mengambil dokumen sebut harga.
3. Kehadiran **Taklimat dan Lawatan Tapak** adalah **DIWAJIBKAN**. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang menghadiri Taklimat Dan Lawatan Tapak tersebut sahaja.
4. Sebut Harga ini akan **ditutup** pada **3 Ogos 2022 (Rabu) jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta ditulis dengan tajuk sebut harga di atas dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang dikhaskan di tempat seperti di atas sebelum waktu yang ditetapkan.
5. Penyebutharga hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan sebut harga ini.
6. Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.
7. **DOKUMEN SEBUTHARGA YANG LEWAT TIDAK AKAN DITERIMA. JABATAN INI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DI ATAS SEBARANG KELEWATAN PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUTHARGA MELALUI POS LAJU/KURIER.**


DR. MOHAMED IQBAL BIN HAMZAH
(MPM : 33644, NGR : 136304)
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut
Pulau Pinang